

MAHATHIR

1983
KUALA LUMPUR, 31 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENYEBUTKAN SURAT PEKELILING KEPADA SEMUA KETUA JABATAN KEMERANGAN DASAR-DASAR KERAJAAN MENGENAI PANDANG KE TIMUR, PERSYARIKATAN MALAYSIA, PENGHASTAAN DAN KEPIMPINAN MELALUI TELADAN MENGENAI DASAR PANDANG KE TIMUR PERDANA MENTERI, BERKATA INI BERNAMA MENGAMBIL NEGARA-NEGARA TIMUR YANG PESAT MAJU SEBAGAI CONTOH DALAM USAHA MEMBANGUNKAN MALAYSIA.

PERKARA-PERKARA YANG HARUS DITUMPUKAN PERHATIAN IALAH KERAJINAN DAN DISIPLIN BEKERJA, KETIDAKSETIAAN KEPADA NEGARA DAN PERUSAHAAN ATAU PERNIAGAAN YANG SARA TERJENJAYA MEMBERIKAN KEUTAMAAN KEPADA KUMPULAN DAN BUKAN DIRI SENDIRI.

DASAR ITU JUGA ANTARA LAIN MEMEKANKAN DAYA PENGELVARAN DAN MUTU YANG TINGGI, PENINGKATAN KECEKAPAN, PENGURANGAN PERBEZAAN DAN JURANG ANTARA EKSEKUTIF DENGAN PEKERJA, SISTEM PENGURUSAN YANG MEMITIK-BERATKAN KEJAYAAN JANGKA PANJANG YANG DIPERCAYAI BOLEH MENYUMBANGKAN KEPADA KEMAJUAN NEGARA.

SURAT ITU TELAH DISERAHKAN KEPADA SEMUA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN, KETUA JABATAN PERSEKUTUAN, KETUA PENGARAH BADAN-BADAN BERKAMUN DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI UNTUK DIEDARKAN KEPADA KAKITANGAN MEREKA AGAR MEMAHAMI DENGAN TEPAT PERKARA-PERKARA ITU.

-- LAGI. 1130/

ZCZC 8519

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENURUT SURAT ITU PERDANA MENTERI TELAH MENERANGKAN BAHAWA PANDANG KE TIMUR TIDAK BERMAKNA MEMINTA-MEMINTA DARI ORANG TIMUR, ATAU MEMINDAHKAN TANGGUNGJAWAB MEMAJUKAN MALAYSIA KEPADA NEGARA-NEGARA TIMUR.

+TANGGUNGJAWAB TERHADAP NEGARA KITA ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA DAN BUKAN ORANG LAIN,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGATAKAN PANDANG KE TIMUR TIDAK BERMAKNA MEMBELI SEMUA BARANG ATAU MEMBERI SEMUA KONTRAK KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT NEGARA TIMUR, KECUALI TAWARAN MEREKA MERUPAKAN YANG TERBAIK.

MENGENAI KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA PULA BELIAU BERKATA IA BERMAKNA MENGANGGAP MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT YANG KERAJAAN DAN SWASTA MENJADI PEMILIK PEKERJA DALAM SYARIKAT ITU.

+JIKA MALAYSIA DIANGGAP SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT MAKA PENDUDUK-NYA SAMA ADA KAKITANGAN KERAJAAN ATAU SWASTA, ADALAH PEMILIK DAN PEKERJA DALAM SYARIKAT MALAYSIA.

+SYARIKAT MALAYSIA TENTULAH BERGANTUNG KEPADA USAHA DAN KERJASAMA SEMUA PIHAK, SAMA ADA DARI KERAJAAN ATAU SWASTA,+ KATANYA.
LAGI. 1135/YF

MAHATHIR @ KUALA LUMPUR

KATANYA KERAJAAN MEMBIAYAI SEMUA PERBELANJAAN, TERMASUK GAJI KAKITANGANNYA, DARI CUKAI DAN HASIL YANG DIKUTIP DARI KEGIATAN DAN KEUNTUNGAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN SWASTA.

+LEBIH MAJU DAN BERJAYA PIHAK SWASTA DAN LEBIH BANYAK PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MAKA LEBIH BANYAKLAH HASIL DAN CUKAI YANG DIPUNGUT OLEH KERAJAAN.

+LEBIH CEPAT DAN LEBIH SEGARA KHIDMAT KERAJAAN MAKA LEBIH BESARLAH KEMUNGKINAN SYARIKAT-SYARIKAT MENDAPAT KEUNTUNGAN.

+SEBALIKNYA JIKA KHIDMAT YANG BURUK DIBERI OLEH KERAJAAN, MENJADIKAN PERNIAGAAN TIDAK MENDAPAT UNTUNG YANG SEPATUTNYA, ATAU

TERPAKSA MENAINKKAN HARGA UNTUK MENAMPUNG PENGURUSAN.

DALAM KEADAAN DEMIKIAN, JELASNYA, BUKAN SAHAJA KERAJAAN TIDAK AKAN DAPAT MEMUNGUT CUKAI YANG BANYAK, TETAPI SARA HIDUP JUGA AKAN MENINGGAL DENGAN BERMACAM-MACAM AKIBAT YANG BURUK.

BELIAU MENTAKRIRKAN PERSYARIKATAN MALAYSIA SEBAGAI KONSEP KERJASAMA KERAJAAN DENGAN SWASTA SUPAYA PIHAK SWASTA AKAN BERJAYA DAN MEMBERI LEBIH BANYAK SUMBANGAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA.

-- LAGI. 1145/YF

ZCZC 0021

MAHATHIR @ KUALA LUMPUR

MENGENAI PENGSWASTAAN PULA, PERDANA MENTERI MENERANGKAN BAHAWA IA BERERTI MEMINDAHKAN PERKHIDMATAN DAN PERUSAHAAN KERAJAAN KEPADA SWASTA.

KATANYA BIANYA SYARIKAT DAN PERKHIDMATAN YANG DIMILIKI DAN DIURUS OLEH KERAJAAN KURANG BERJAYA ATAU TERUS RUGI KERANA CARA PENGURUSAN KERAJAAN SAMA BERBEZA DARI PENGURUSAN SWASTA. SEDALIKNYA PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN SWASTA LEBIH KERAP UNTUNG DARIPADA RUGI.

JIKA APA YANG DIUSHUSKAN OLEH KERJAAN DIPINDAHKAN KEPADA SWASTA KERAJAAN DAPAT KEUNTUNGAN MELALUI CUKAI YANG DIKENAKAN ATAS KEUNTUNGAN SYARIKAT-SYARIKAT ITU.

KIRA-KIRA 40 HINGGA 50 PERATUS DARIPADA PENDAPATAN AKAN TERUS DITERIMA OLEH KERAJAAN DAN INI ADALAH LEBIH BAIK DARI KERAJAAN MEMILIKI PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN YANG RUGI SEPANJANG MASA DAN MENJADI BEBAN BUKAN SAHAJA KEPADA KERAJAAN TETAPI JUGA RAKYAT.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA PROSES PENGSWASTAAN AKAN HANYA DILAKSANAKAN SETELAH KAJIAN DIBUAT DENGAN TELITI.

MENGENAI KEPIMPINAN MELALUI TELADAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PEMIMPIN-PEMIMPIN KERAJAAN SAMA ADA AHLI-AHLI POLITIK ATAU KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM MESTI MENGAMALKANNYA.

BELIAU BERHARAP SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN DAPAT MELAKSANAKAN PERKARA-PERKARA ITU MENGIKUT OBJEKTIF ASALNYA TANPA SEBARANG KEKELIRUAN LAGI. -- BERNAMA 1150/YF